

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (84)
Tarikh : 23 Disember 2014

**Ketua Pengarang
Harian Metro**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO DI RUANGAN IM
LAPOR BERTARIKH 11 DISEMBER 2014, KHAMIS – M.S: 25
(SETEMPAT)**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh **MATPOYO [IMC00758]** berkenaan masa menunggu terlalu lama di kaunter kad pengenalan di JPN Cawangan UTC Johor.
3. JPN mengucapkan terima kasih kepada **MATPOYO [IMC00758]** di atas kerjasama memberikan maklumat bagi mempertingkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan JPN kepada orang ramai.
4. Ingin dijelaskan bagi memastikan setiap pelanggan diberikan layanan mesra, pihak Pengurusan JPN telah memberi peringatan kepada semua kakitangan agar mematuhi amalan dan etika tatakelakuan semasa berurusan dengan pelanggan. Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa kejadian seumpama itu tidak mustahil untuk berlaku di cawangan kecil disebabkan oleh bilangan kakitangan dan kapasiti permohonan yang meningkat di waktu puncak seperti di musim cuti perayaan atau musim cuti sekolah.

5. Jabatan ini mohon maaf di atas kesulitan yang dihadapi beliau semasa berurusan di JPN Cawangan UTC Johor. JPN akan memastikan kejadian seumpama ini tidak akan berulang di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
 2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
 3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
 4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)